

Tiada soal anak tiri: Mazlan

- 5 DEC 1990



MAJLIS Sukan Negara (MSN) tidak pernah menganaktirikan pesilat kebangsaan dalam soal pembahagian skim hadiah kemenangan apabila mereka meraih kejayaan peringkat antarabangsa.

Timbalan Ketua Pengarah MSN, Mazlan Ahmad, berkata selama ini MSN memberi layanan yang adil kepada pesilat kebangsaan dalam soal pemberian skim hadiah kemenangan. **B. Harian (M)**

"Kami masih mengkaji ganjaran itu untuk diberikan kepada pesilat yang mencatat keputusan cemerlang pada Kejuaraan Silat Sedunia di Belanda, Oktober lalu.

"Selama ini, saya rasakan MSN terlalu adil dalam soal pembahagian skim hadiah kemenangan kerana ia dinilai mengikut taraf setiap kejohanan antarabangsa yang disertai oleh skuad negara," kata Mazlan sebagai mengulas bahawa MSN memberi skim itu kepada pesilat negara seumpama sugu hati.

Mazlan berkata, silat masih dalam tahap permulaan untuk diperkenalkan kepada dunia dan Kejuaraan Sedunia yang disertai belum boleh diiktiraf sebagai bertaraf dunia.

"MSN boleh memberikan ganjaran sejumlah \$80,000 kepada pesilat yang menjuarai si-

lat sedunia jika didapati kejuaraan itu benar-benar bertaraf dunia," katanya, semalam.

Pada dunia lalu, Malaysia meraih dua pingat emas menerusi Ruzaidi Abdul Rahman dan Khairi Abdul Rahman, manakala Nazrah Latif, Zaleha Suradi, Ahmad Wardi Salim dan Zakaria Hamzah meraih pingat perak.

Dua tahun lalu, MSN memberi \$4,000 kepada juara Silat Sedunia '87 dan kemungkinan ganjaran sama diberikan kepada pesilat yang meraih kejayaan di Belanda lalu.

Selain itu, Mazlan meminta Pesaka agar lebih peka terhadap pemilihan pengurus skuad kebangsaan ke luar negara agar soal pengurusan lebih baik.

"Kami tidak mahu campur urusan pentadbiran Pesaka dalam pemilihan pegawai skuad kebangsaan, tetapi biarlah dikalangan orang yang boleh buat kerja dengan baik," katanya.

Mazlan berkata, MSN percaya dengan pentadbiran baru Pesaka yang diketuai oleh menteri Besar Selangor, Tan Sri Haji Muhammad Haji Muhd Taib, kejayaan pesilat negara akan cemerlang di peringkat antarabangsa.

Pesilat perlu banyak pendedahan

B. Harian (M)

SKUAD silat negara harus menjalani perlawanan pendedahan sebagai persediaan menghadapi kejohanan antarabangsa pada masa akan datang, kata pengurus pasukan negara Datuk Nasir Haji Manaf. **- 6 DEC 1990**

Katanya, perlawanan pendedahan itu penting kerana kurangnya kejohanan tempatan bagi para pemain menilai prestasi mereka.

"Lawatan dan perlawanan persahabatan dengan negara-negara jiran patut diadakan pada masa akan datang kerana itu saja cara Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) menilai keupayaan dan mendedahkan para pesilat tanahair," katanya.

Perlawanan pendedahan itu juga patut disenaraikan dalam program latihan Sukan SEA tahun depan jika Jawatankuasa Pengolala Sukan SEA Manila (MANSOC) menyenaraikan silat sebagai salah satu acara pada sukan itu nanti, tambahnya.

Datuk Nasir berkata, beliau juga akan mencadangkan kepada Pesaka agar menyediakan para pesilat pelapis bagi setiap kategori memandangkan sukan itu adalah sukan yang mempunyai risiko tinggi mendapat kecederaan.

"Kita tidak boleh bergantung kepada seorang pesilat saja pada setiap kategori lagi kerana mereka mungkin akan mengalami kecederaan pada peringkat awal pertandingan," tambahnya.

Seramai 12 pesilat negara akan membawa cabaran pada peringkat akhir Jumaat ini. — Bernama